

mediaselangor.com



AGANSI PELAKSANA
RMSB

Perancangan lebih tersusun, strategik

Pendekatan RS-1 perkukuh pertumbuhan ekonomi

Oleh YASMIN RAMLAN

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) mengubah pendekatan pembangunan negeri, daripada berasaskan projek kepada kerangka lebih strategik dan berpaksi kepada pencapaian hasil.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata kejayaan utama RS-1 antaranya memperkenalkan pelan pembangunan negeri yang lengkap dengan keutamaan jelas dan sasaran yang boleh diukur.

“S sepanjang tempoh pelaksanaannya, Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia serta terus menarik pelaburan walaupun berhadapan cabaran seperti pemulihan pascapandemik, ketegangan geopolitik dan ketidakpastian ekonomi global.”

DR MOHD AFZANIZAM ABDUL RASHID
Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd



Katanya, kaedah itu membantu pentadbiran negeri untuk menyelaraskan dengan lebih berkesan, mengagih sumber lebih cekap dan memberi tumpuan kepada sektor pertumbuhan masa depan.

“RS-1 mengubah pendekatan pembangunan Selangor daripada pelaksanaan projek secara berasingan kepada kerangka perancangan yang lebih tersusun dan berorientasi hasil,” katanya kepada Media Selangor.

RS-1 yang meliputi tempoh 2021 hingga 2025 dilancarkan secara rasmi pada Julai 2022.

Pelan itu memberi tumpuan kepada empat tema iaitu memperkukuh ekonomi, menjamin keterangkuman sosial dan kesejahteraan rakyat, memacu kelestarian alam sekitar dan memperkukuh tadbir urus yang berkesan.

Sebanyak 14 indikator makro dalam RS-1 antaranya mewujudkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 97 peratus tenaga buruh negeri, mengurangkan kadar kemiskinan mutlak kepada 0.7 peratus dan kemiskinan relatif kepada 11 peratus, memastikan bekalan air bersih harian mencukupi serta mendigital 85 peratus perkhidmatan kerajaan secara hujung ke hujung.

Menurut Dr Mohd Afzanizam, RS-1 dianggap berjaya kerana menyediakan hala tuju pembangunan Selangor di samping membantu negeri mencatat pertumbuhan ekonomi kukuh meski berdepan cabaran global.

“S sepanjang tempoh pelaksanaannya, Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia serta terus menarik pelaburan walaupun berhadapan cabaran seperti pemulihan pascapandemik, ketegangan geopolitik dan ketidakpastian ekonomi global.

“Walaupun asas ekonomi Selangor yang

kukuh sememangnya menyokong pertumbuhan negeri, RS-1 membantu memastikan pembangunan dilaksanakan secara lebih terselaraskan, strategik dan sejajar dengan keutamaan jangka panjang,” katanya.

Bawah RS-1, Selangor menetapkan sasaran pertumbuhan KDNK 6.5 hingga 7.0 peratus antara 2021 hingga 2025. Bagaimanapun, negeri itu mengatasi sasaran apabila mencatat pertumbuhan purata 7.3 peratus bagi tempoh 2021 hingga 2024.

Dalam masa sama, Selangor juga mencatat purata pelaburan diluluskan sebanyak RM66 bilion, jauh melepasi sasaran tahunan antara RM30 bilion hingga RM35 bilion.

Menurut Dr Mohd Afzanizam, pelan itu membantu Selangor memberi tumpuan kepada sektor strategik seperti ekonomi digital, kelestarian dan industri bernilai tinggi yang penting bagi meningkatkan daya saing ekonomi dalam jangka panjang.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kejayaan pelan pembangunan jangka sederhana itu pada masa depan banyak bergantung kepada keberkesanan pelaksanaannya.

“Pengajaran utama daripada RS-1 ialah perancangan yang baik perlu disokong dengan pelaksanaan yang berkesan.

“Pada masa depan, kerajaan negeri perlu memperkukuh pelaksanaan, meningkatkan ketelusan serta memberi penekanan lebih besar terhadap produktiviti, inovasi dan pembangunan bakat,” katanya.

Beliau berpandangan sebarang pelan pembangunan perlu memastikan pertumbuhan ekonomi kekal inklusif dan berdaya tahan bagi membolehkan Selangor berdepan kejutan serta ketidakpastian ekonomi.

Siapkan projek kemudahan awam sebelum Disember

SHAH ALAM - Pembangunan bawah Projek Selangor Penyayang (PSP) yang dirancang tahun ini perlu disiapkan sebelum Disember bagi memastikan manfaatnya dinikmati rakyat mengikut jadual.

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato’ Dr Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin berkata agensi negeri perlu mempercepat gerak kerja bagi memastikan projek hasil peruntukan RM14 juta dimulakan 3 Ogos.

Mengakui pelaksanaan projek PSP yang dijadual bermula Mac terpaksa ditangguh ekoran konflik di Asia Barat, beliau berkata masih ada masa empat bulan untuk menamatkan projek tersebut.

“Kita hanya mempunyai kira-kira empat bulan untuk melaksanakan keseluruhan projek berbanding tempoh sekitar 11 bulan sebelum ini.

“Semua agensi perlu terus menekan gear lima sejak awal supaya segala isu diselesaikan segera dan projek disempurnakan dalam tahun semasa,” katanya dalam sesi libat urus PSP di sini pada 21 Julai.

Peruntukan sebanyak RM250,000 disediakan kepada semua 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menjalankan projek kategori naik taraf, baik pulih dan penyelenggaraan kemudahan awam.

PSP yang diperkenalkan sejak 2022 antara inisiatif Kerajaan Selangor bagi memastikan kemudahan awam berfungsi dengan baik. Dalam Pakej Daya Tahan Selangor, peruntukan RM14 juta disediakan.

Ahmad Fadzi menegaskan setiap cadangan projek perlu memberi keutamaan kepada keperluan masyarakat

yang membawa kesan menyeluruh, berkualiti dan memberi manfaat jangka panjang.

“Kerajaan Negeri mahu setiap peruntukan diterjemah kepada projek yang benar-benar diperlukan rakyat. Pilih projek yang memberi manfaat besar kepada komuniti dan bukan sekadar menyiapkan projek mengikut peruntukan,” katanya.

Beliau mengingatkan wakil rakyat dan pegawai penyelarasan DUN supaya memainkan peranan mengenal pasti keutamaan rakyat di kawasan masing-masing, selain memantau pelaksanaan PSP.



“Kita hanya mempunyai kira-kira empat bulan untuk melaksanakan keseluruhan projek... Semua agensi perlu terus menekan gear lima sejak awal supaya segala isu diselesaikan segera dan projek disempurnakan dalam tahun semasa.”

DATO’ DRAHMAD FADZI
Setiausaha Kerajaan Negeri

Ribuan meriahkan Final Piala Dunia di Aneka Walk

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

Aneka Walk, Seksyen 14 menjadi tumpuan kira-kira 1,500 peminat bola sepak yang hadir menyaksikan tayangan akhir Piala Dunia FIFA 2026 menerusi PKNS Homes Final World Cup 2026 Mega Live.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula jam 5 petang pada 19 Julai hingga 5 pagi keesokan harinya itu bukan sahaja menampilkan tayangan perlawanan akhir menerusi skrin LED gergasi, malah turut dipenuhi pelbagai aktiviti kekeluargaan, hiburan dan keusahawanan.

Pengurus Besar Jualan dan Pemasaran PKNS, Fadli Mohd Ariff berkata, program berkenaan merupakan kemuncak kepada pelbagai aktiviti yang dianjurkan sepanjang musim Piala Dunia FIFA 2026.

“Sejak awal program lagi, kami telah menyusun pelbagai aktiviti bagi memastikan pengunjung daripada semua lapisan umur dapat menikmati pengalaman yang menyeronokkan. Kemuncaknya sudah tentu tayangan perlawanan akhir Piala Dunia FIFA 2026 menerusi skrin LED gergasi yang dilengkapi sistem siar raya bagi mewujudkan suasana yang lebih meriah.

“Bagi memastikan keselesaan pengunjung, kami turut menyediakan kemudahan bean bag, selain konsep pengudaraan terbuka di Aneka Walk yang membolehkan orang ramai menikmati tayangan dalam suasana lebih santai dan selesa.

“Kami juga menyediakan hidangan mi mamak dan teh tarik, manakala pelbagai pilihan makanan dan minuman daripada pengusaha kenderaan saji melengkapkan lagi pengalaman pengunjung,” katanya.

Sepanjang program berlangsung, pengunjung turut disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk pertandingan mewarna dan melukis kanak-kanak, festival bola sepak,



Pengurus Besar Jualan dan Pemasaran PKNS, Fadli Mohd Ariff (tengah) bersama pemain Selangor FC dan tetamu yang hadir pada PKNS Homes Final World Cup 2026 Mega Live di Aneka Walk, Shah Alam pada 19 Julai 2026.

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

pertandingan e-sukan, permainan interaktif, cabutan bertuah, jualan car boot sale serta pameran projek-projek perumahan PKNS seperti Aludra Residensi, Ixora, Linkar 52 dan Puteri Ariana.

Program dengan kerjasama Selangor FC itu turut dimeriahkan dengan sesi ramah mesra bersama barisan pemain pasukan berkenaan termasuk Safuan Baharudin, Eduardo Sosa, Adib Ra'op, Alexander Agyarkwa, Syahir Bashah, Zikri Khalili serta Sikh Izhan, sekali gus memberi peluang kepada penyokong mendapatkan tanda tangan dan bergambar bersama pemain kegemaran mereka.

Menurut Fadli, PKNS turut mengambil peluang memanfaatkan fenomena Piala Dunia FIFA 2026 bagi menarik lebih ramai pengunjung ke siri Hari Terbuka PKNS yang diadakan di Aneka Walk dan Kota Puteri, sekali gus mem-



Peminat cilik tidak melepaskan peluang bertemu pemain Selangor FC.

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

promosikan projek-projek perumahan kepada orang ramai.

“Sebagai pemaju hartanah, fokus utama kami adalah mempromosikan projek-projek perumahan dan komersial. Bersempena kemeriahan Piala Dunia FIFA 2026, kami menggabungkan elemen sukan dengan aktiviti jualan supaya lebih ramai orang hadir ke Hari Terbuka PKNS dan menikmati pengalaman yang berbeza,” katanya.

Beliau berkata pemilihan Aneka Walk sebagai lokasi penganjuran turut mencerminkan usaha PKNS menghidupkan kawasan itu sebagai hab komuniti di bawah pembangunan SA Sentral.

“Kami mahu Aneka Walk dikenali bukan sahaja oleh warga Shah Alam, malah masyarakat dari kawasan sekitar seperti Klang dan Petaling Jaya. Melalui penganjuran pelbagai acara berskala besar, kami berharap lokasi

ini terus berkembang sebagai destinasi gaya hidup, rekreasi dan aktiviti komuniti,” katanya.

Sementara itu, pemain pertahanan Selangor FC, Safuan Baharudin, menyifatkan program berkenaan sebagai platform terbaik untuk menyemarakkan semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan masyarakat.

Menurutnya, sambutan yang diterima membuktikan sukan mampu menyatukan masyarakat daripada pelbagai lapisan usia dan inisiatif seperti itu wajar diperluaskan kepada acara-acara lain, khususnya menjelang penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) dan Para SUKMA 2026 di Selangor.

“Kehadiran pengunjung daripada pelbagai peringkat usia menunjukkan sukan mampu menyatukan masyarakat. Program seperti ini boleh diperluaskan lagi kepada acara-acara sukan lain,” katanya.



Gelagat peminat bola sepak ketika menyaksikan perlawanan akhir Piala Dunia 2026 antara Sepanyol dan Argentina menerusi Siaran Langsung Mega di Aneka Walk. Foto REMY ARIFIN

Bukan semata-mata hulur sumbangan

Warga emas nikmati kehidupan bermaruah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) memberi penekanan kepada konsep penuaan aktif yang memberi tumpuan kepada kualiti hidup warga emas, bukan semata-mata pemberian bantuan.

Usaha itu meliputi rancangan menambah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), pekerjaan munasabah kepada warga emas (*silver workforce*) dan mewujudkan penyelaras penjagaan (*care navigator*).

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari memberitahu langkah tersebut diyakini membantu kelompok warga emas untuk menikmati kehidupan sihat dan bermaruah.

"Kita hendak angkat (sektor) penjagaan ini sebagai ekosistem, bukan sekadar kebajikan sebaliknya berusaha meningkatkan kualiti kehidupan mereka," katanya kepada Media Selangor.

Beliau menjelaskan RS-1 juga mahu memperkenalkan konsep tenaga kerja munasabah untuk warga emas bagi warga emas yang masih sihat dan berkemampuan.

"Antara yang kita lihat ialah *silver workforce*, bagaimana warga emas yang masih sihat boleh terus bekerja dalam bidang sesuai seperti kemahiran atau kerja separuh masa," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, Selangor sedang meneliti jenis pekerjaan sesuai bagi memastikan warga emas dapat menjana pendapatan tanpa tekanan fizikal berlebihan.

"Kita akan fikirkan pekerjaan yang sesuai, mungkin bukan bidang pekerjaan



Kita hendak angkat (sektor) penjagaan ini sebagai ekosistem, bukan sekadar kebajikan sebaliknya berusaha meningkatkan kualiti kehidupan mereka."

ANFAAL SAARI
EXCO Kebajikan Masyarakat



lama mereka tetapi kemahiran baharu yang boleh mereka lakukan dengan selesa," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri juga merancang menambah PAWE di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan akses lebih dekat kepada masyarakat.

"Sekarang PAWE yang ada diselia Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan tetapi tahun ini kita cadang membangunkan garis panduan PAWE yang dimiliki PBT.

"Ada satu di Majlis Perbandaran Selangor tetapi kita lihat keperluan untuk luaskan lagi supaya setiap PBT ada PAWE masing-masing. Namanya mungkin bukan PAWE, kita akan teliti nanti," katanya.

Beliau juga menjelaskan pusat tersebut bukan sahaja memberi tumpuan kepada faktor kesihatan tetapi juga interaksi sosial bagi mengelakkan warga emas dari terasing atau kesunyian.

"Kita hendak warga emas datang bukan hanya untuk penjagaan kesihatan tetapi berinteraksi dengan rakan sebaya supaya mereka lebih aktif dan tidak terasing di rumah," katanya.

Katanya, Selangor juga mahu mewujudkan penyelaras penjagaan (*care navigator*) bagi mengenal pasti dan membantu warga emas yang tinggal bersendirian atau memerlukan

kan bantuan sosial.

"*Care navigator* ini kita hendak mereka turun padang, buat pemantauan atau saringan untuk warga emas yang tinggal sendirian supaya bantuan sampai dengan lebih cepat," katanya.

Menurut Anfaal, RS-1 memberi perhatian kepada kesiapsiagaan warga emas bagi mengelak isu pengasingan sosial dalam kalangan warga emas yang boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal mereka.

FAKTA WARGA EMAS BEKERJA

- Lebih 16 peratus penduduk di seluruh dunia berusia 60 tahun ke atas menjelang tahun 2030, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
- Sebanyak 15.3 peratus warga emas di Malaysia diunjur bekerja menjelang tahun 2030, kata Kementerian Sumber Manusia
- Seramai 310,100 warga emas masih mencarum dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri setakat 30 September 2025. Bilangan itu termasuk warga emas dalam sektor ekonomi gig
- Lebih 50 peratus petani di negara ini terdiri dari kalangan warga emas, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia



FAKTA WARGA EMAS TINGGAL SENDIRIAN

- 18.8 peratus tinggal sendirian pada 2025, naik hampir tiga kali ganda berbanding 6.3 peratus pada 2018. Bilangan itu satu per lima daripada 4.1 juta warga emas di Malaysia
- Sebanyak 61.3 peratus berdepan kekangan pergerakan dan bebanan kewangan berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2025
- Seramai 5,533 warga emas jadi mangsa penipuan dalam talian antara tahun 2023 hingga 2024
- 20 peratus warga emas alami kemurungan ekoran isu kesihatan dan terputus hubungan sosial



Diiktiraf model bandar penyayang Asia Pasifik

SHAH ALAM - Pelaksanaan dasar ekonomi penjagaan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menjadikan negeri ini sebagai model bandar penyayang di rantau Asia Pasifik.

Menurut EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Shari, pengiktirafan antarabangsa membuktikan sektor penjagaan bukan hanya kerja kebajikan tetapi pemacu ekonomi dan membawa kesejahteraan rakyat.

"Bukan kita yang mendakwa. UN Women sendiri mengiktiraf Selangor sebagai antara contoh *Caring Cities* (bandar penyayang) di Asia Pasifik kerana kita amal model perkongsian tanggungjawab antara kerajaan, swasta, keluarga dan komu-

niti atau *Care Diamond* (Intan Penjagaan).

"Kita angkat tema bahawa penjaga juga perlu dijaga dan dimartabat. Kita mahu ekonomi penjagaan bukan lagi dilihat sebagai kebajikan semata-mata tetapi sebagai sektor perkhidmatan yang mampu menyumbang kepada ekonomi negeri," katanya kepada Media Selangor.

UN Women merujuk entiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Kesaksamaan Jantina dan Pemerkasaan Wanita. Intan Penjagaan adalah model memeta tanggungjawab menjaga kanak-kanak, warga emas, orang sakit dan pengurusan rumah tangga dalam masyarakat.

Anfaal berkata model antara faktor utama Selangor dijadikan rujukan kerana

ia mengimbangi pembangunan ekonomi dengan kesejahteraan komuniti tanpa mengetepi nilai kemanusiaan.

Katanya, RS-1 membuka laluan kepada lebih ramai wanita kembali memasuki pasaran pekerjaan melalui sektor penjagaan selepas terpaksa melepaskan kerjaya bagi menjaga ahli keluarga.

Beliau menegaskan pihaknya mahu mengubah tanggapan penjaga hanya membuat kerja sukarela meski mereka juga memerlukan jaringan keselamatan sosial, pendapatan dan pengiktirafan profesional.

Menurutnya, ia membuka peluang kepada wanita yang berhenti kerja untuk menjaga ahli keluarga kembali ke alam

pekerjaan melalui latihan dan peningkatan kemahiran dalam sektor itu.

"Kena pecahkan tanggapan bahawa menjaga itu hanya kerja kebajikan. Ramai wanita berkorban menjaga ibu bapa atau ahli keluarga sehingga tiada pendapatan, tiada simpanan dan tiada perlindungan sosial.

"Sebab itu, kita mahu memberi peluang melalui pentauliahan dan peningkatan kemahiran supaya mereka mempunyai masa depan yang lebih terjamin.

"Kesan sektor sosial ini memberi impak kepada ekonomi kerana kita iktiraf peranan penjaga, memastikan wanita kembali bekerja dan membantu melonjakkan prestasi ekonomi negeri," katanya.

Oleh NADIAH ZAMLUS

Pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) mengukuhkan lagi perkembangan sektor ekonomi dan pembangunan sosial sekali gus membawa manfaat kepada segenap lapisan rakyat.

Pelan lima tahun antara 2021 hingga 2025 itu menjadikan segala perancangan bukan lagi bersifat jangka pendek atau secara ad hoc sebaliknya lebih tersusun untuk tempoh panjang.

RS-1 yang dibentang Dato' Menteri Besar juga menjadikan Selangor sebagai negeri penyayang termasuk berdaya huni berikutan matlamat akhirnya terarah kepada kepentingan penduduk, bukan semata-mata gemerlap angka ekonomi.

"Apabila kita bentang RS-1, kita bukan hanya bercakap tentang kemakmuran dan pendapatan tinggi tetapi juga daya huni. Daya huni itulah respons sebenar kepada kebahagiaan rakyat negeri ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 24 April.

Melalui RS-1, Selangor menjadikan tempat ideal untuk dihuni. Penekanan diberi kepada faktor kesejahteraan dan kebajikan yang seimbang dan terangkum.

Wanita, OKU, anak istimewa

Salah satu tumpuan ialah memperkasa wanita dalam sektor pekerjaan dan hak kesamarataan jantina. Misalnya, suri rumah menerima bimbingan untuk menjana pendapatan dengan mengasuh.

Mereka diberi latihan Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Negeri Selangor (IMPAK Selangor). Lebih 2,200 pengasuh di rumah dibimbing dalam fasa pertama sepanjang tahun 2024 hingga 2025. Semuanya hasil peruntukan RM2 juta dan geran khas RM2,000.

Secara tidak langsung, usaha tersebut membantu hasrat negeri untuk menjadikan penyertaan tenaga buruh mencecah 75 peratus menjelang tahun 2030, berbanding 69.5 peratus ketika ini.

Insentif MamaKerja sejak 2023 pula meringankan beban 5,000 wanita berkerjaya melalui pemberian RM1,000 sekali bayar kepada ibu kepada anak berusia enam tahun dan ke bawah di taska ataupun pusat penjagaan. Bilangan itu digandakan kepada 10,000 wanita dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor.

Dalam usaha meringankan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah, kelompok wanita termasuk ibu tunggal menerima RM300 sebulan atau RM3,600 setahun melalui Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

Sumbangan itu sedikit sebanyak membantu wanita membeli barangan asas dan peralatan sekolah anak-anak. Berdasarkan data Dewan Negeri Selangor sehingga 2024, BINGKAS membantu 30,000 keluarga melalui peruntukan RM108 juta.

Penjagaan kesihatan kaum Hawa juga dititik

berat, khususnya pesakit barah payudara. Penyakit itu menunjukkan peningkatan ketara sejak 2007, malah 50.5 peratus kes lewat dikesan iaitu tahap tiga dan empat.

Justeru, wanita berumur 50 tahun dan ke atas berpeluang membuat pemeriksaan di Hospital Columbia, KPJ dan Majlis kanser Nasional (MAKNA) melalui Skim Kesihatan Wanita Selangor (MammoSEL).

Kelompok wanita tertindas juga dibela. Selangor negeri pertama menyediakan skim bantuan guaman percuma sejak 2022 dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia dan Majlis Peguam Selangor. Setakat tahun lalu, dana RM127,000 dibelanjakan bagi menangani 58 kes.

Selain wanita, RS-1 juga menyediakan bantuan kepada orang kurang upaya (OKU) supaya mereka menikmati sokongan berterusan untuk hidup berdikari melalui peluang pendidikan, pekerjaan dan pembangunan diri.

Usaha itu diterjemah menerusi pelbagai inisiatif yang membuka ruang pembelajaran dan latihan pekerjaan kepada belia OKU berusia antara 17 hingga 25 tahun supaya mereka mampu berdikari.

RS-1 menginsani rakyat

Setakat 2023, seramai 48 peserta menyertai program itu sebelum memasuki alam pekerjaan.

Perhatian turut diberi kepada kanak-kanak berkeperluan khas melalui program Anak Istimewa Selangor (ANIS). Seramai 2,020 penerima menerima sumbangan tunai sekali bayar sehingga RM5,000 bagi meringankan beban keluarga.

Perkembangan awal kanak-kanak istimewa pula dijalankan menerusi Program Intervensi Awal ANIS. Sehingga kini, seramai 4,156 peserta dan kanak-kanak berkeperluan khas berdaftar di institusi bawah ANIS termasuk Pusat ANIS, Prasekolah ANIS dan Akademi ANIS.

Usaha tidak terhenti setakat pemberian bantuan, sebaliknya dijadikan dasar negeri. Pada Jun, Dasar Orang Kurang Upaya Selangor dan Pelan Tindakan 2026-2030 dilancarkan.

Tampung kos sara hidup

Selangor juga konsisten membantu orang ramai berdepan peningkatan kos sara hidup. Inisiatif Jelajah Ehsan Rahmah (JER) yang menawarkan barangan keperluan asas pada harga 30 peratus lebih rendah dari pasaran yang dijalankan secara berterusan sejak 2022.

JER diadakan dua kali sebulan meliputi 56 Dewan Undangan Negeri atau bersamaan 1,344 lokasi setahun. Bilangan barangan juga ditambah, daripada enam kepada 12 jenis mulai tahun 2025.

Melalui Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor pula, peruntukan RM10 juta disediakan untuk manfaat kira-kira 168,000 isi rumah. Program tersebut diadakan meliputi 779 lokasi melibatkan kira-kira 3.1 juta rakyat.

Memahami rakyat menanggung perbelanjaan tinggi pada musim perayaan, keluarga berpendapatan bawah RM3,000 meliputi semua kaum menerima baucar Jom Shopping perayaan bernilai RM400. Ia meringankan beban mereka untuk membuat persiapan.

Tahun ini, seramai 92,400 orang menerima bantuan itu untuk menyambut Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali. Nikmati itu hasil peruntukan RM18.48 juta, tambahan RM2 juta berbanding tahun lalu.

Golongan veteran tentera juga tidak terkecuali. Selangor memperkenalkan baucar Jom Shopping Hari Pahlawan Negara RM200 seorang kepada 8,317 veteran hasil peruntukan RM1.7 juta.

Selain itu, seramai 1,139 peniaga kecil menerima bantuan alatan perniagaan dan latihan bernilai sehingga RM10,000 melalui Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor. Usaha itu berupaya membawa mereka keluar kitaran kemiskinan.

Dasar Ekonomi Penjagaan, pertama seumpamanya di negara ini diperkenalkan ekoran Selangor berdepan situasi negeri menua menjelang tahun 2030. Dasar itu membela warga emas untuk meneruskan kehidupan dengan bermaruah.

Tahun ini, latihan penjagaan warga emas diadakan bagi memastikan golongan rentan menerima sokongan menyeluruh dan berkualiti.

Baucar beli-belah bernilai RM150 juga dihulur kepada warga emas dan OKU. Dana ditambah kepada RM55 juta berbanding RM20 juta pada 2024. Inisiatif itu memperkukuh ekosistem sektor penjagaan.

Pun begitu, segala bentuk bantuan, langkah dan dasar baharu tidak lengkap selagi kemiskinan membelenggu rakyat. Justeru, Selangor gigih berusaha untuk membasminya secara menyeluruh.

Terbaharu, negeri berjaya menghapus kemiskinan tegar pada 2024, selain mencatat penurunan kadar kemiskinan mutlak kepada 0.9 peratus berbanding 1.5 peratus pada 2022. Pendekatan negeri bukan sekadar membasmi kemiskinan, sebaliknya tumpuan diberi kepada usaha menyediakan rakyat menjana sumber pendapatan.



Pendidikan ubah nasib tiga generasi

Oleh **SHALINI RAJAMOGUN**

Foto **MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

Bagi sebahagian masyarakat India di Malaysia, kehidupan di estet suatu ketika dahulu sinonim kemiskinan, pekerjaan berat dan peluang pendidikan terhad.

Namun bagi keluarga Subramaniam Ponnusamy, latar belakang itu bukan pengakhiran sebuah cerita, sebaliknya titik permulaan perubahan sosial yang membawa tiga generasi keluar belenggu kemiskinan melalui pendidikan.

Anak lelaki tunggal daripada lima beradik itu dilahirkan dan dibesarkan di Pulau Carey, Kuala Langat, dalam keluarga mendiang Ponnusamy Nallathamby dan Valliamah Mookan yang bekerja sebagai buruh ladang serta penoreh getah.

Walaupun hidup serba kekurangan, kedua-duanya berpegang teguh kepada prinsip pendidikan ialah jalan paling berkesan untuk mengubah masa depan anak-anak.

Menurut Subramaniam, 65, ibu bapanya berkorban apa sahaja demi memastikan anak-anak memperoleh peluang pendidikan yang tidak pernah mereka nikmati.

"Saya bukan datang daripada keluarga berada. Apa yang saya ada hanyalah didikan ibu bapa yang sentiasa percaya bahawa pendidikan boleh mengubah kehidupan," katanya kepada Media Selangor.

Beliau masih mengingati bagaimana ibu bapanya keluar bekerja setiap hari tanpa mengira cuaca demi menyara keluarga.

"Kalau hujan, ibu bapa saya tetap keluar menoreh getah. Kalau penat sekalipun, mereka tidak pernah mengeluh kerana mereka mahu anak-anak belajar dan hidup lebih baik daripada mereka," katanya.

Jalan keluar kemiskinan

Subramaniam menerima pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Barat Pulau Carey sebelum menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan SMJK (E) Pulau Carey bagi peringkat menengah rendah.

Demi mendapat peluang pendidikan lebih baik, beliau berpindah ke bandar untuk mengikuti pengajian menengah atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hamzah, Pelabuhan Klang.

Sebaik tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau bekerja sementara di kilang kelapa sawit di estet Pulau Carey bagi membantu keluarga dan menimba pengalaman.

"Saya tidak mahu membuang masa. Sementara menunggu keputusan SPM, saya bekerja untuk membantu keluarga dan mencari pengalaman," katanya.



Kalau seorang anak penoreh getah seperti saya boleh mengubah kehidupan keluarga melalui pendidikan dan kerja keras, saya percaya ramai lagi anak muda mampu melakukannya

Berbekal disiplin, kesungguhan dan sokongan ibu bapanya, beliau kemudian melanjutkan pengajian dalam jurusan kejuruteraan elektrik sebelum membina kerjaya dalam bidang teknikal.

Tahun 1992 menjadi titik perubahan besar apabila Subramaniam mengambil keputusan meninggalkan Pulau Carey dan berpindah ke Klang bersama isteri, ibu bapanya serta tiga anak yang masih kecil.

Keputusan itu demi menyediakan peluang pendidikan dan kehidupan yang lebih baik untuk generasi seterusnya.

"Berpindah ke bandar bukan perkara mudah. Kami tinggalkan tempat yang penuh kenangan, tetapi saya tahu masa depan anak-anak memerlukan pengorbanan itu," katanya yang turut aktif memperjuangkan kebajikan masyarakat estet melalui politik.

Walaupun sibuk dengan kerjaya dan kegiatan kemasyarakatan, beliau memastikan pendidikan, disiplin dan nilai rendah diri menjadi asas utama dalam membesarkan anak-anak.

"Saya selalu pesan kepada anak-anak, ilmu boleh membawa kita ke mana-mana, tetapi jangan sesekali lupa asal usul dan hormati orang yang membantu kita sepanjang perjalanan hidup."

Menurut anak kedua beliau, Sharumathi, 30, kejayaan yang dinikmati keluarganya bermula daripada pengorbanan datuk dan nenek mereka yang bekerja keras di estet demi memastikan anak-anak mendapat pendidikan.

Nilai yang diwariskan datuk dan nenek diterap bapa mereka kepada tiga beradik hingga masing-masing berjaya membina kerjaya profesional.

Anak sulung, Hemantvell, 31, menamatkan pengajian bidang nautikal di Akademi Maritim Sarawak dan kini bertugas sebagai Ketua Pegawai Dek (Chief Mate).

Sharumathi pula memperoleh ijazah sarjana muda undang-undang dari Universiti Newcastle sebelum memulakan kerjaya sebagai pegawai



pematuhan dalam industri perbankan.

Beliau kemudian menyertai Petronas di Jabatan Siasatan dan Semakan Khas sebelum berpindah ke Ipoh selepas berkahwin dan berkhidmat sebagai pengurus perhubungan perbankan komersial di sebuah bank tempatan.

Adik bongsu, Darshan, 29, pula menamatkan pengajian kejuruteraan marin di Ranaco Marine dan bertugas sebagai jurutera marin.

Menurut Sharumathi, walaupun datuk dan neneknya hanya pekerja estet, mereka sebenarnya menghadiahkan sesuatu yang jauh lebih bernilai kepada keluarga.

"Bukan kemewahan yang mereka tinggalkan kepada kami, tetapi peluang untuk bermimpi lebih besar melalui pendidikan.

"Pengorbanan mereka bukan sahaja mengubah kehidupan ayah, malah membentuk masa depan generasi kami hari ini," katanya.

Tidak lupa akar umbi

Walaupun seluruh adik-beradik itu berjaya dalam bidang profesional masing-masing, keluarga tersebut tidak pernah lupa akan asal usul mereka.

Mereka sentiasa berbangga dilahirkan dari kalangan pekerja estet kerana estet bagi Sharumathi bukan lambang kemiskinan tetapi simbol ketabahan, pengorbanan dan kasih sayang datuk serta nenek mereka.

Sehingga kini, mereka masih meluangkan masa menziarahi Pulau Carey dan estet, tempat datuk serta nenek mereka pernah tinggal dan bekerja.

Setiap kunjungan itu menjadi peringatan tentang permulaan perjalanan keluarga serta mengukuhkan nilai kesederhanaan,

kesyukuran dan kerja keras yang diwariskan sejak dahulu.

Bagi Subramaniam, kejayaan tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata. Sebaliknya, pendidikan perlu diseimbangkan dengan pembentukan sahsiah dan nilai moral.

"Kalau ada pendidikan tetapi tiada nilai moral, seseorang itu mungkin berjaya dalam kerjaya tetapi belum tentu berjaya dalam kehidupan," katanya.

Beliau juga mengakui kehidupan masyarakat di estet dahulu lebih akrab berbanding kehidupan bandar yang individualistik.

"Dulu di estet, semua orang saling mengenali dan menghormati antara satu sama lain. Semangat kejiranan sangat kuat. Hari ini, kehidupan bandar lebih sibuk dan cabaran untuk mengekalkan nilai itu semakin besar."

Justeru, beliau percaya institusi keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk generasi akan datang.

"Ibu bapa tidak boleh menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak kepada sekolah. Anak-anak belajar melalui apa yang mereka lihat setiap hari di rumah."

Bagi keluarga ini, perjalanan daripada sebuah rumah sederhana di estet Pulau Carey kepada tiga anak yang berjaya dalam kerjaya profesional membuktikan mobiliti sosial bukan mustahil.

Ia lahir daripada pengorbanan ibu bapa, kesungguhan mengejar ilmu dan keberanian mengubah nasib tanpa pernah melupakan asal usul.

"Kalau seorang anak penoreh getah seperti saya boleh mengubah kehidupan keluarga melalui pendidikan dan kerja keras, saya percaya ramai lagi anak muda mampu melakukannya."

"Lahir dalam keluarga susah bukan pilihan kita, tetapi untuk kekal dalam kemiskinan ialah sesuatu yang boleh diubah melalui usaha dan pendidikan," katanya.

TVET laluan ubah kehidupan

KEKURANGAN dari segi fizikal tubuh tidak pernah menjadi penghalang buat Moganaraj Jaganathan untuk membina masa depan lebih baik.

Sebaliknya, beliau menjadikan latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) sebagai titik perubahan sehingga memiliki perniagaan sendiri.

Kisah Moganaraj, 28, antara contoh kejayaan belia kaum India yang memanfaatkan TVET sebagai laluan meningkatkan taraf hidup, sekali gus membuktikan bidang kemahiran bukan lagi pilihan kedua, sebaliknya berupaya melahirkan usahawan dan tenaga kerja mahir.

Berkongsi pengalaman, Moganaraj yang cacat tangan kanan sejak lahir menyifatkan STDC bukan sahaja memberikannya kemahiran teknikal, malah keyakinan untuk berdikari.

"Keadaan fizikal bukan penghalang untuk berjaya. Kalau kita ada kemahiran dan berusaha bersungguh-sungguh, kita tetap boleh capai apa yang kita impikan. STDC banyak membantu saya daripada kosong sehingga saya mampu menggunakan kemahiran itu dalam pekerjaan dan perniagaan sendiri," katanya.

Beliau kini mengusahakan perniagaan hasil kemahiran yang dipelajari sepanjang mengikuti kursus komputer di STDC. Moganaraj turut memuji komitmen tenaga pengajar yang gigih membimbing pelajar hingga benar-benar menguasai kemahiran sebelum masuk ke alam pekerjaan.

Keadaan fizikal bukan penghalang untuk berjaya. Kalau kita ada kemahiran dan berusaha bersungguh-sungguh, kita tetap boleh capai apa yang kita impikan. STDC banyak membantu saya daripada kosong sehingga saya mampu menggunakan kemahiran itu dalam pekerjaan dan perniagaan sendiri

MOGANARAJ



Di STDC, kami belajar bersama-sama tanpa mengira kaum dan agama. Pengalaman itu mengajar kami bekerjasama, saling menghormati dan berkomunikasi dengan lebih baik

SUTHAN MAHIRAJA

Persekitaran harmoni

Seorang lagi graduan STDC, Suthan Mahiraja, 28, pula menganggap pengalaman belajar bersama pelajar pelbagai kaum menjadi antara kelebihan institusi itu selain latihan yang menekankan pembelajaran secara praktikal.

Menurut bekas pelajar kursus elektrik itu, suasana pembelajaran berbilang kaum membentuk sikap saling menghormati, memudahkan komunikasi dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan yang penting dalam dunia pekerjaan.

"Di STDC, kami belajar bersama-sama tanpa mengira kaum dan agama. Pengalaman itu mengajar kami bekerjasama, saling menghormati dan berkomunikasi dengan lebih baik," katanya.

Pendekatan latihan secara amali banyak membantu mereka menguasai kemahiran dengan lebih cepat sebelum memasuki alam pekerjaan.

Kemahiran itu akhirnya menjadi asas kejayaannya membuka syarikat sendiri selepas beberapa tahun mengumpul pengalaman bekerja.

Suthan juga berharap lebih ramai belia, khususnya masyarakat India, berani memilih laluan TVET kerana bidang itu menawarkan masa depan stabil jika dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Namun, sokongan ibu bapa juga penting bagi menghakis tanggapan kononnya TVET cuma pilihan kedua sedangkan laluan itu terbukti melahirkan tenaga kerja profesional dan usahawan berjaya.

TVET antara agenda penting Kerajaan Negeri yang menyalur peruntukan RM20.48 juta dalam Belanjawan 2026 untuk menjayakan Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) bagi memperkukuh bidang itu.



TAMAN REKA BENTUK LITAR BERSEPADU (IC)

BERTUJUAN menjadikan Selangor peneraju industri

semikonduktor negara dengan jangkaan pulangan ekonomi sehingga RM1 bilion. IC pertama dibina di Bandar Puteri Puchong dan menempatkan 12 firma, termasuk syarikat tempatan serta antarabangsa dari China, Australia, Amerika Syarikat dan Perancis.

Seramai 302 jurutera diambil bekerja termasuk 80 peratus graduan baharu. Ia sekali gus mengurangkan penghijrahan cendekiawan atau 'brain drain' dalam industri semikonduktor negara. IC kedua di Cyberjaya pula bakal dilancarkan pada tahun ini.

TAMAN AERO SELANGOR (SAP)

MELIBATKAN kawasan seluas 1,011.7 hektar di Ladang

Sepang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Aeropolis. Projek itu akan mewujudkan lebih 32,000 peluang kerja berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Nilai pembangunan kasarnya (GDV) dianggarkan RM2.3 bilion. Ia akan dibangunkan secara berfasa mengikut kesediaan infrastruktur dan permintaan pelabur.

Untuk fasa pertama, 80.94 hektar akan dibuka kepada pelabur. GE Aerospace tampil penyewa utama yang akan membangunkan kemudahan seluas 40 hektar merangkumi pusat ujian enjin dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi pasaran Asia Pasifik.

RANCANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN SABAK BERNAM (SABDA)

DILANCAR pada 2023 yang tertumpu kepada daerah di utara negeri. Enam projek utama dirancang meliputi 1,317 hektar tanah yang dijangka mencipta 3,600 pekerjaan berpendapatan tinggi dan berupaya menarik pelaburan RM1.9 bilion.

Antara projek utama Projek Pelabuhan Pendaratan Bersepadu Selangor (SILP) bakal memberi nilai tambah dasar keterjaminan makanan seperti Gudang Makanan Selangor. Pada 2024, Pemberbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) menerima Anugerah Kelestarian Forward Faster Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), hasil usaha memperkasa masyarakat tempatan dan membangunkan ekosistem mampan di Sabak Bernam.

SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

INISIATIF sejak tahun 2021 yang pertama di Malaysia. Sepanjang tahun lalu, ia berjaya mengelak gangguan bekalan air akibat pencemaran. Projek infrastruktur fasa satu berhampiran lima loji rawatan air (LRA) bernilai RM320 juta dilaksanakan meliputi empat komponen utama antaranya sistem pengepaman di Kolam HORAS 600 di Bestari Jaya. Pada 2025, tiada gangguan henti tugas LRA direkodkan.

Skim itu sebahagian Pelan Induk Air yang merangkum isu asas air termasuk kekurangan bekalan dan lebihan akibat banjir bagi memastikan air bersih dapat disalurkan untuk sekurang-kurangnya 50 tahun akan datang.



enjin pacu ekonomi

PASCA Covid-19 menyaksikan seluruh dunia bergelut untuk bangkit semula, Selangor tidak terkecuali.

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang bermula 2021 dan dilancar pada Jun tahun berikutnya sehingga 2025 antara iltizam Selangor bagi memelihara kemakmuran dan melestari pembangunan.

RS-1 adalah hala tuju pembangunan sosio-ekonomi dan pengukuhan sistem perkhidmatan demi kepentingan rakyat. Sebanyak 282 projek, program dan inisiatif (PPI) diperkenal. Setakat 31 Disember 2025, sebanyak 79 peratus keseluruhan PPI dilaksanakan sepenuhnya.

Selain membawa manfaat ekonomi dan sosial kepada segenap lapisan rakyat, rancangan

tersebut memperkukuh kedudukan Selangor sebagai negeri kuasa besar ekonomi negara.

Menjelang pembentangan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang dijadual bulan depan, wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyenarai 15 PPI terpilih yang mengangkat Selangor sebagai “Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur”.

sisa pepejal mencecah kira-kira 8,000 tan sehari.

Usaha Worldwide Holdings dan Shanghai Electric Engineering mengubah sisa domestik kepada penghasilan tenaga untuk 200,000 unit rumah. Selangor sedang membina WTE Jeram 2 yang dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

GOMBAK HULU LANGAT GEOPARK (GHLG)



TAMAN seluas 112,955 hektar merentasi kawasan Gombak dan Hulu Langat diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan ketujuh. Ia menjadi tarikan pelancongan ekoran lokasi itu didominasi batuan granit banjaran utama berusia antara 200 hingga 220 juta tahun. Selain itu, batuan pliestosen akhir (di Batu Caves) yang paling selatan di benua Asia berusia 350 hingga 500 juta tahun. Lokasinya di Permatang Kuarza Gombak Selangor ada timbunan kuarza terpanjang di Asia Tenggara sejauh 14 kilometer dan lombong arang batu tertua di Malaysia di Batu Arang.

Selangor berusaha mendapat pengiktirafan GHLG sebagai UNESCO Global Geopark. Proses penilaian semula geopark kebangsaan dijadual pada Oktober. Kerajaan Negeri memperuntuk RM2 juta menerusi Belanjawan Selangor 2026 bagi menyokong usaha pencalonan tersebut.

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

INISIATIF percuma bagi memastikan anak-anak dari kalangan keluarga berpendapatan rendah serta keluarga di luar bandar memperoleh peluang saksama. Sehingga kini, seramai 160,000 pelajar sekolah menengah dan 20,000 murid sekolah rendah menerima manfaat.

PTRS menyumbang kepada peningkatan gred purata negeri (GPN) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Selangor selama tiga tahun berturut-turut, daripada 4.67 pada 2023, kepada 4.59 (2024) dan kini 4.52 (2025). Inisiatif ini berkembang daripada 177 sekolah yang mengambil bahagian pada 2021 kepada 189 (2022) dan 225 2023.



KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)

TERLETAK di Seksyen 13, Shah Alam, projek itu dijalankan dalam tiga fasa dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029. Fasa pertama melibatkan perobohan, fasa kedua merangkumi pembinaan bangunan teater tertutup, ruang niaga, sayap sukan serta sayap belia yang bermula pertengahan 2027. Fasa terakhir, pembinaan terminal bersepadu dan hotel yang dijadual bermula Januari 2028 hingga Disember 2029.

Ia bakal dilengkapi pelbagai kemudahan awam melalui pembahagian 40 peratus rekreasi dan kemudahan sukan (60 peratus). Antaranya gelanggang tertutup, dewan serba guna, hotel, masjid, ruang acara dan ruang jualan. Pembinaannya mengambil kira risiko banjir dan keperluan stadium bertaraf antarabangsa berkapasiti antara 35,000 hingga 45,000 penonton.

RUMAH *selangorku*

SELANGOR berusaha memastikan setiap rakyat ada peluang memiliki rumah sendiri. Rumah Selangorku menasaskan pembeli rumah pertama berpendapatan isi rumah kurang RM10,000 sebulan. Harga bermula RM42,000 hingga RM250,000 berdasarkan lima jenis unit berbeza dalam pelbagai saiz dan spesifikasi.

Rumah Selangorku dibina berhampiran kemudahan asas bagi memenuhi keperluan penduduk. Setakat Oktober, sebanyak 142 projek Rumah Selangorku melibatkan 40,737 unit telah siap manakala 37 lagi membabitkan 10,348 unit dalam pembinaan.

KARNIVAL KERJAYA SELANGOR (SELANGOR JOB FAIR)

SELANGOR berusaha membantu rakyat memperoleh pekerjaan melalui inisiatif padanan kerjaya yang dijalankan. Sejak April, Karnival Jelajah JobCare Selangor menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan, termasuk jawatan bergaji sehingga RM5,000 sebulan. Platform Selangor Kerjaya Job-Matching yang dibangunkan Menteri Besar Selangor (Pemberbadanan) atau MBI pula merekod 48,346 pendaftaran dan 6,795 jawatan diisi melalui sistem padanan tersebut.

Selangor Mega Job Fair pula mempertemu pencari kerja dan majikan yang menarik 32,064 pengunjung antara tahun 2021 hingga 2023. Dalam tempoh sama,

seramai 565 majikan mengambil bahagian dan menawarkan lebih 55,000 peluang pekerjaan.

ANAK ISTIMEWA SELANGOR



JUTAAN ringgit dibelanja setiap tahun bagi meringankan beban keluarga kepada kanak-kanak istimewa atau orang kurang upaya (OKU). Bantuan itu merangkumi kos pendidikan seperti pusat terapi dan kelas khas (maksimum RM1,000), ubat-ubatan dan keperluan tambahan (maksimum RM1,200) serta pembelian atau pembaikan mesin perubatan (maksimum RM5,000).

Beberapa program percuma seperti kursus teknik asas komunikasi dan penjagaan buat ibu bapa yang ada anak kurang upaya kategori lumpuh otak turut dijalankan. Selangor berhasrat memperluas Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa Selangor (Pusat ANIS) meliputi 12 pihak berkuasa tempatan bagi mengatasi kesesakan pelajar di pusat sedia ada.

LOJI JANAKUASA PULAU INDAH (PIPP)



SETAKAT September 2025, loji itu menyalur bekalan elektrik kepada lebih 1.2 juta kediaman dan perniagaan di Lembah Klang. Ia adalah loji turbin gas kitaran gabungan (CCGT) paling moden di negara ini. Ia menjana lebih banyak tenaga dengan pelepasan lebih rendah selaras Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Pembinaannya terarah kepada menamatkan kebergantungan arang batu selain memperluas tenaga boleh diperbaharui termasuk solar, hidro dan hidrogen.

PIPP dibina atas tanah tebus guna seluas 24 hektar bersebelahan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang. Loji itu disokong talian penghantaran elektrik baharu 500 kV dwilitar sepanjang 37 kilometer menghubungkan PIPP ke Pencawang Masuk Utama (PMU) Olak Lempit serta saluran paip gas sepanjang 42 kilometer menghubungkan Paip Gas Utama (PGU) Puchong ke loji.

SKIM HIJRAH SELANGOR

USAHA negeri untuk menambah pendapatan isi rumah dan menghapus kemiskinan diteruskan menerusi bantuan pembiayaan dan geran mikro kepada perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS). Pada 29 Januari, Yayasan Hijrah Selangor menawarkan RM60 juta bawah Skim i-Bisnes.

Skim Niaga Darul Ehsan (NaDI) untuk usahawan wanita pula memperuntuk RM5 juta untuk 500 penerima.

Bermula Ogos 2026, permohonan Dana Pantas bernilai RM13 juta untuk semua industri dan Dana Niaga Tani bernilai RM7 juta untuk sektor pertanian, perikanan, penternakan serta akuakultur.

PLATFORM SELANGOR (PLATS)

SEBUAH ekosistem menyeluruh yang memberi ruang kepada usahawan tempatan berkembang melalui latihan, pembiayaan dan jaringan pasaran. Sepanjang tahun 2024, usahawan PLATS merekod transaksi jualan mencecah kira-kira RM15 juta hasil penglibatan aktif melalui pelbagai medium pemasaran dan saluran digital.

Terbaharu, Transisi Kerjaya PLATS diperkenal dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor Fasa Dua bagi memberi peluang kepada individu hilang pekerjaan menceburi keusahawanan. Seramai 5,000 individu berusia 40 tahun ke atas yang hilang pekerjaan

akibat konflik di Asia Barat akan dibantu. Mereka bakal menerima latihan dan kursus perniagaan, kem keusahawanan serta bantuan pembiayaan sehingga RM10,000 tanpa faedah.



Hikmah fikir ke depan, ikhtiar bina negara



Bicara Agama

Antara ciri penting yang membezakan tamadun yang berjaya dengan tamadun gagal ialah kemampuan mereka merancang masa hadapan. Sesebuah masyarakat yang hanya bertindak balas terhadap sesuatu krisis tanpa mempunyai pelan jangka panjang akhirnya akan sentiasa berada dalam keadaan defensif.

Sebaliknya, masyarakat yang memiliki visi, perancangan dan kemampuan menjangkakan cabaran akan lebih bersedia menghadapi perubahan zaman.

Dalam tradisi Islam, pendekatan ini dikenali sebagai Fiqh al-Tawaqu' - kefahaman dalam menjangkakan kemungkinan yang bakal berlaku, kemudian menyusun tindakan yang paling sesuai bagi merealisasikan maslahat serta mengelakkan mafsadah.

Ia bukan sekadar melihat apa yang berlaku hari ini, tetapi menilai kesan sesuatu keputusan terhadap masa hadapan.

Justeru, para ulama usul fiqh sering menghubungkan Fiqh al-Tawaqu' dengan konsep i'tibar al-ma'alat (melihat natijah sesuatu tindakan) serta muwazanah bayna al-masalih wa al-mafasid (menimbang antara manfaat dan mudarat).

Al-Quran sendiri mendidik umat Islam supaya membuat persediaan bagi menghadapi masa hadapan. Allah SWT berfirman: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah dipersiapkannya untuk hari esok." (Surah al-Hasyr: 18)

Walaupun ayat ini merujuk kepada persediaan menghadapi akhirat, para ulama menjelaskan ia juga mendidik umat Islam supaya memiliki budaya berfikir ke hadapan, membuat persediaan dan tidak hidup tanpa perancangan.

Orang yang sentiasa memikirkan akibat daripada tindakannya akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan. Begitu juga firman Allah SWT: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka segala kekuatan yang kamu mampu..." (Surah al-Anfal: 60)

Perintah 'bersiap sedia' ini menunjukkan Islam tidak mengajar umatnya menunggu sehingga sesuatu musibah berlaku sebelum bertindak. Sebaliknya, persiapan dilakukan lebih awal bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Inilah roh Fiqh

al-Tawaqu'.

Rasulullah SAW sendiri merupakan contoh terbaik dalam aspek perancangan strategik. Peristiwa hijrah ke Madinah memperlihatkan bagaimana Baginda menyusun setiap langkah dengan begitu teliti.

Baginda memilih waktu yang sesuai untuk keluar dari Mekah, mengatur laluan yang tidak dijangka oleh musuh, mendapatkan penunjuk jalan yang mahir, membahagikan tugas kepada para sahabat dan menyediakan sistem risikan serta bekalan makanan.

Setelah semua usaha dilakukan, barulah Baginda bertawakal kepada Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: "Ikatlah untamu, kemudian bertawakallah kepada Allah." (Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini menjadi kaedah penting bahawa tawakal tidak pernah bercanggah dengan perancangan. Bahkan tawakal yang sebenar ialah melakukan segala ikhtiar yang munasabah sebelum menyerahkan hasilnya kepada Allah SWT.

Selepas hijrah, Rasulullah SAW tidak terus menumpukan kepada peluasan wilayah. Sebaliknya Baginda membina asas sebuah negara terlebih dahulu.

Masjid didirikan sebagai pusat pembangunan masyarakat, persaudaraan Muhajirin dan Ansar diperkukuhkan, Piagam Madinah digubal bagi mengurus hubungan pelbagai kaum dan agama, sementara sistem ekonomi dan pertahanan dibina secara berperingkat.

Semua ini merupakan perancangan jangka panjang yang akhirnya melahirkan sebuah negara yang stabil dan dihormati.

Begitu juga Saidina Umar bin al-Khattab. Ketika wilayah Islam berkembang dengan pesat, beliau tidak sekadar memikirkan kemenangan ketenteraan. Sebaliknya beliau membina institusi pentadbiran seperti Baitulmal, sistem kehakiman, pentadbiran wilayah, daftar tentera, sistem gaji penjawat awam serta takwim Hijrah.

Kesemua pembaharuan ini bukan untuk kepentingan semasa sahaja, tetapi bagi memastikan kestabilan negara untuk generasi yang akan datang.

Di sinilah pentingnya konsep muwazanah antara maslahat dan mafsadah. Tidak semua perkara yang kelihatan baik pada hari ini akan menghasilkan kebaikan pada masa hadapan.

Sebaliknya, ada keputusan yang mungkin sukar diterima pada ketika ia dilaksanakan, tetapi membawa manfaat yang jauh lebih besar kepada masyarakat.

Al-Quran memberikan panduan mengenai kaedah menilai manfaat dan mudarat apabila Allah SWT

berfirman mengenai arak dan judi: "Pada kedua-duanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya." (Surah al-Baqarah: 219)

Ayat ini meletakkan satu kaedah penting dalam syariah, iaitu sesuatu keputusan tidak dinilai hanya berdasarkan manfaatnya semata-mata, tetapi mesti ditimbang bersama mudarat yang bakal berlaku. Jika mafsadah lebih besar daripada maslahat, maka syariat menghendaki mudarat tersebut dielakkan.

Atas asas inilah para ulama menggariskan beberapa kaedah fiqh yang menjadi panduan dalam Fiqh al-Tawaqu' antaranya:

1. Menolak kemudaratan didahulukan daripada memperoleh manfaat
2. Kemudaratan yang kecil boleh ditanggung bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar kepada masyarakat
3. Apabila bertembung dua kemudaratan, dipilih kemudaratan yang lebih ringan bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar

Kaedah-kaedah ini menjadikan seorang pemimpin atau pendakwah tidak mudah membuat keputusan hanya berdasarkan emosi atau tekanan semasa. Sebaliknya beliau perlu melihat kesan keputusan itu terhadap agama, masyarakat dan negara dalam jangka masa panjang.

Dalam dunia hari ini, Fiqh al-Tawaqu' amat diperlukan dalam pentadbiran negara, pengurusan organisasi, pendidikan, ekonomi dan dakwah. Keputusan yang dibuat tanpa kajian, data serta unjuran masa hadapan sering membawa kerugian yang besar.

Sebaliknya, perancangan yang tersusun membolehkan pembinaan institusi, pembangunan modal insan, pengurusan kewangan yang lestari serta pewarisan kepimpinan berjalan dengan lebih baik.

Kesimpulannya, Fiqh al-Tawaqu' ialah satu manhaj al-Quran dan Sunnah yang mendidik umat Islam supaya menjadi umat yang berpandangan jauh. Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin membuktikan bahawa kejayaan sesebuah negara tidak dibina melalui tindakan yang tergesa-gesa, tetapi melalui perancangan yang rapi, pertimbangan maslahat dan mafsadah, serta kemampuan melihat kesan jangka panjang setiap keputusan.

Apabila budaya ini dihayati oleh umat Islam, segala dasar dan tindakan akan lebih berhikmah, lebih lestari dan lebih dekat dengan maqasid syariah, iaitu membawa rahmat serta kebaikan kepada seluruh manusia.

Raih rezeki celah dapur

Oleh **NADHIRAH FATTAH**
Foto **NUR ADIBAH AHMAD IZAM**

Bagi kebanyakan isi rumah, minyak masak terpakai sering dianggap sebagai sisa yang tiada nilai. Ada yang terus membuangnya ke dalam singki, longkang atau tong sampah tanpa menyedari tindakan itu boleh mencemarkan alam sekitar serta merosakkan sistem perparitan.

Namun, di sebalik cecair kehitaman yang kelihatan tidak lagi berguna itu, sebenarnya tersembunyi nilai ekonomi yang semakin mendapat perhatian. Jika diuruskan dengan betul, minyak masak terpakai bukan sahaja dapat dikitar semula untuk kegunaan industri, malah mampu menjana pendapatan kepada masyarakat.

Kesedaran itulah yang mendorong Muhammad Azizul Hanafi Kayatin, 31, mengubah sisa dapur menjadi peluang perniagaan. Bermula dengan mengutip minyak masak terpakai dari rumah ke rumah, usahanya kini berkembang menjadi rangkaian kutipan yang melibatkan komuniti dan premis makanan di seluruh Selangor.

Lebih bermakna, perusahaan yang dibina selepas kehilangan pekerjaan ketika pandemik Covid-19, kini bukan sekadar menjadi sumber rezeki malah menyumbang kepada usaha memupuk budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat.

Bekas mekanik berusia 31 tahun itu berkata, beliau menceburi bidang berkenaan kira-kira lima tahun lalu selepas hilang pekerjaan akibat pandemik.

“Sebelum ini bekerja sebagai mekanik selama 10 tahun, tetapi apabila pandemik berlaku saya hilang pekerjaan dan pendapatan.

"Saya mendapat ilham membuat perniagaan ini apabila ramai jiran setempat tidak tahu mahu membuang minyak masak terpakai di mana kerana ketika itu belum ramai yang tahu tentang mengitar semula minyak masak terpakai," katanya kepada Media Selangor.

Bermula secara kecil-kecilan, usahanya semakin berkembang apabila menjalankan kerjasama dengan beberapa syarikat yang melantiknya sebagai ejen pengumpul minyak masak terpakai.

Berpangkalan di Bangi, Azizul kini menjalankan kutipan secara berkala di restoran, kedai makan serta kawasan komuniti di sekitar Selangor.

“Rutin harian kami ialah membuat

kutipan di kedai-kedai makan, manakala hujung minggu pula fokus kepada kawasan komuniti," katanya.

Menurutnya, kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengitar semula minyak masak terpakai semakin meningkat kerana ramai mula menyedari bahan itu mempunyai nilai ekonomi selain membantu mengurangkan pencemaran.

Kumpul 500kg

“Dulu dibuang begitu sahaja tetapi sekarang ramai mula kumpul kerana boleh dijual semula dan mempunyai kesedaran minyak masak terpakai mempunyai nilai,” katanya.

Minyak yang dikumpulkan akan dihantar ke pusat pengumpulan sebelum diproses oleh syarikat untuk dijadikan bahan kegunaan industri seperti biodiesel dan bahan api penerbangan.

Dalam sehari, operasi kutipan yang dikendalikan Azizul

mampu mengumpulkan antara 500 kilogram hingga dua ton minyak masak terpakai bergantung kepada kawasan dan jumlah premis yang terlibat.

Selain menjana pendapatan, beliau turut menekankan kepentingan pengurusan sisa dapur yang

betul bagi mengelakkan kesan buruk terhadap alam sekitar.

Minyak masak terpakai yang dibuang ke dalam singki atau longkang boleh menyebabkan saluran paip tersumbat, selain mencemarkan sistem perparitan.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya memastikan minyak yang ingin dijual tidak bercampur dengan bahan lain seperti air, sabun atau minyak hitam kerana keadaan itu akan menjejaskan kualitinya.

“Kita boleh kenal pasti minyak yang tercemar melalui bau dan tekstur. Kebiasaannya berlaku apabila minyak dituangkan ke dalam bekas sabun tanpa dibersihkan terlebih dahulu,” katanya.

Walaupun pernah mendengar mengenai penyalahgunaan minyak masak terpakai, Azizul percaya perkara itu dapat dibendung melalui pengurusan yang baik dan peningkatan kesedaran masyarakat.

Baginya, usaha mengumpul minyak masak terpakai hari ini bukan lagi sekadar aktiviti jual beli, sebaliknya telah berkembang menjadi satu ekosistem yang memberi manfaat kepada alam sekitar dan komuniti.

“Sekarang ini bukan sekadar bisnis, tetapi sudah menjadi ekosistem komuniti. Selain membantu alam sekitar, ia juga memberi peluang pendapatan sampingan kepada masyarakat,” katanya.



THE RIVA

RESIDENCES

PEGANGAN BEBAS | KLANG SELATAN

MENARA D1

MENARA D2

Unit Terhad

Pakej Bumiputera Istimewa*

[The Portfolio by Mitraland](#)

Lengkap Berperabot

551 - 1,054 kps.

1+1 ke 3+1 Bilik Tidur

2 - 3 Parkir

Gaya Hidup Eksklusif di Tepi Tasik

Gravit8 menawarkan pengalaman kediaman tepi tasik yang tenang, di mana kemewahan dan alam semula jadi bergabung dalam sebuah komuniti moden. Di sini, keseimbangan sempurna antara ketenangan dan gaya hidup bandar mewujudkan kualiti hidup yang lebih baik.

Harga Bermula dari

RM450K*

*Tertakluk kepada terma dan syarat | Imej Artis Sahaja

Lokasi strategik di kawasan berkembang pesat

Lebih 30 kemudahan gaya hidup sihat

Bersebelahan taman tasik seluas

Sedia diduduki dengan naik taraf eksklusif

MITRALAND

Crafting Lifestyle Creating Value

gravit8

360° Lifestyle where the Good lives in KLANG

WhatsApp untuk maklumat lanjut

011 1638 6882

03 7661 8688

Pemaju:
Vibrantline Sdn. Bhd. (1038413-U)

D-28-01, Menara Mitraland, No. 13A, Jalan PJU5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

www.gravit8.com.my

www.mitraland.com.my

Certified Bronze GreenTEC

Sejak SJAM beroperasi pertengahan 2025

14 kali pencemaran sungai, tiada gangguan bekalan air

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Selangor mencatat pencapaian terbaik ekoran tiada gangguan bekalan air berskala besar sejak tahun lalu, khususnya selepas projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) beroperasi.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim berkata kejayaan itu didorong tindakan pantas dan berkesan SJAM yang mengekal kestabilan bekalan meski terdapat pencemaran air.

Beliau memberitahu tiada henti tugas loji rawatan air (LRA) berlaku akibat pencemaran hasil pemantauan berterusan bagi memastikan operasi loji diteruskan tanpa menjejaskan pengguna.

"Peratus kejayaan SJAM adalah 100 peratus. Setakat ini, tiada gangguan bekalan air lagi di Selangor setakat tahun lalu. Memang ada pencemaran tapi tidak mengganggu bekalan air kita.

"Sudah 14 kali kita aktifkan SJAM. Setakat ini, tiada gangguan air langsung di Selangor (mula aktif Jun 2025). Malah, rizab air kita juga makin meningkat," katanya kepada Media Selangor.

SJAM antara inisiatif utama dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) sebagai sistem perlindungan sumber air daripada masalah pencemaran atau kemarau berpanjangan.

Namun, Ir Izham mengakui, pelaksanaan SJAM berdepan pelbagai cabaran seperti masalah pengambilan tanah dan isu pengalihan utiliti hingga mengambil masa panjang dan perbelanjaan besar.

"Kita mahu pastikan sumber air kita bebas pencemaran. Walaupun berjaya ditangani melalui SJAM tapi ia meningkatkan penggunaan elektrik untuk pam dan bahan kimia yang lebih banyak.

"Jadi, ia meningkatkan kos sedangkan tanggungjawab menjaga sumber air ini adalah tanggungjawab bersama. Ini cabaran kita dalam mengurus sumber air bersih di Selangor," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu Selangor akan memiliki loji rawatan air terbesar dan termoden di Asia Tenggara yang menghasilkan 1,400 juta liter sehari (JLH) melalui Projek Skim Bekalan Air Rasau.

FAKTA SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)



Beliau menjelaskan hasrat itu selari sasaran RS-1 bagi menjamin bekalan air 24 jam sekali gus membuktikan kecekapan sistem pengurusan dalam menghadapi cabaran pencemaran.

"Setakat ini, LRA Rasau fasa satu dijangka siap pada Mac tahun depan dan selepas itu, Selangor akan dapat tambah 700 JLH lagi untuk simpanan air masa hadapan," katanya.

Projek Skim Bekalan Air Rasau melibatkan pembinaan LRA Sungai Rasau Fasa 1 dan fasa dua, kedua-duanya menghasilkan 700 JLH setiap satu apabila siap sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Sembilan bekas kolam lombong seluas 489 hektar dijadikan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) dwifungsi pertama di Malaysia bagi menyokong pembekalan air dan sistem tebatan banjir.

Menurut Ir Izham, simpanan air negeri juga mampu bertahan enam bulan melalui rizab simpanan air SJAM dan inisiatif Skim Simpanan Air Luar Sungai Selangor (SORSS) jika musim kemarau melanda.

"Kita ada rizab yang boleh bertahan tiga bulan melalui SJAM dan ditambah inisiatif SORSS, kita boleh tambah lagi tiga bulan. Jadi kita boleh bertahan enam bulan tanpa hujan," katanya.

SORSS diperkenalkan pada tahun lalu sebagai usaha penjenamaan semula bagi lebih 100 buah kolam takungan dan bekas lombong di negeri itu untuk berfungsi sebagai sumber air alternatif.

Projek bernilai RM320 juta itu berupaya menyediakan bekalan air bersih tanpa gangguan kepada lebih 1.5 juta akaun pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kajian fasa satu pelan induk air dibentang bulan depan

SHAH ALAM - Dapatan kajian fasa satu Pelan Induk Air Selangor yang dijalankan pasukan perunding akan dibentang selewat-lewatnya pada bulan depan atau September ini.

Menurut EXCO infrastruktur, sebarang perancangan berkaitan projek infrastruktur air dalam pelan itu dijalankan bawah Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang akan dibentang pada Ogos.

Menjelaskan ia pelan pengurusan air komprehensif pertama seumpamanya di negara ini, Dato' Ir Izham Hashim mem-

beritahu fasa dua kajian pula dijangka siap pada pertengahan tahun depan.

"Kita akan masukkan dalam RS-2 untuk projek yang akan dilaksanakan bawah Pelan Induk Air. Pelan Induk Air ini akan dilaksanakan sehingga 2045.

"Kita mahu pastikan sumber air kita cukup untuk minuman, industri, pertanian. Kita juga mahu pastikan sumber air dijaga dengan baik," katanya kepada Media Selangor.

Mengikut jawapan bertulis dalam Dewan Negeri Selangor, pelaksanaan

kajian fasa satu berlangsung selama 15 bulan manakala fasa dua selama enam bulan.

Pelan induk berkenaan antara langkah strategik Kerajaan Negeri untuk mengurus sumber air mentah, bekalan air, dan tebatan banjir secara menyeluruh.

Ia akan menetapkan garis panduan keselamatan air jangka panjang bagi menangani perubahan iklim, kemarau dan pembangunan pesat sehingga tahun 2045.

Ir Izham juga menjelaskan inisiatif tersebut dirangka bagi memastikan pengurusan sumber air mampan, jaminan bekalan air jangka panjang serta mitigasi bencana.

"Bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1), kita telah melihat perlunya untuk menangani dan menguruskan sumber air secara holistik (menyeluruh).

"Pelan berkenaan akan melibatkan pengurusan air mentah, air terawat, air kumbahan dan semua yang berkaitan," katanya lagi.

Teknologi nyahgaram murah

Air laut sumber bekalan masa depan

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Selangor sedang membuat kajian menyeluruh berhubung penggunaan sumber air laut sebagai sumber alternatif jangka panjang bagi mengatasi masalah bekalan air pada masa depan.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim berkata langkah itu bagi memastikan bekalan air bersih terus berkekalan dan memenuhi permintaan di Lembah Klang yang meningkat saban tahun.

"Kita sedang melihat untuk melaksanakan air laut yang dinyahgaram untuk kegunaan sumber air baharu. Ia masih

lagi dalam perancangan. Teknologi itu sekarang sebenarnya agak murah dan lebih ekonomi.

"Kita sedang kaji dari sudut kos komersial. Kita perlu pelbagaikan lagi sumber air supaya kita tidak bergantung kepada satu sumber sahaja iaitu air hujan," katanya kepada Media Selangor.

Pada April, Ir Izham memaklumkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), Kerajaan Negeri mengkaji kebolehlaksanaan loji penyahgaraman air laut bagi memastikan kemampunan sumber air bersih.

Beliau dilapor berkata pembinaan infrastruktur berkenaan mampu menambatkan kapasiti pengeluaran air bersih hingga kira-kira 300 juta liter sehari (JHL).

Sasar sistem pengurusan bersepadu

SHAH ALAM - Penubuhan Suruhanjaya Air Selangor (SAS) yang menyepadukan sistem pengurusan di negeri ini akan dibuat berpandu kepada dapatan dalam kajian Pelan Induk Air Selangor.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim menjelaskan suruhanjaya berkenaan akan menyatukan pengurusan aset, sumber air dan pembetulan bawah satu bumbung.

Beliau percaya sistem pengurusan air menjadi lebih bersepadu apabila agensi sedia ada seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Perbadanan Air Selangor (Air Selangor) diselaraskan.

"Kita juga melihat kemungkinan cadangan untuk tubuhkan SAS, yang akan meletakkan semua jabatan atau agensi berkaitan air di bawah satu bumbung.

"Tetapi kita akan tunggu kajian Pelan Induk Air Selangor ini siap untuk lihat syor daripada pihak konsultan (perunding)," katanya kepada Media Selangor.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri memperimbang membentuk satu suruhanjaya yang mengurus semua urusan termasuk air terawat, mentah dan kumbahan selain membina lebuhraya air.

Penubuhan suruhanjaya berkenaan antara strategi bagi meningkatkan kawalan dan pengurusan aset air sekali gus mengurangkan bencana banjir di Lembah Klang.

“

Kita akan tunggu kajian Pelan Induk Air Selangor ini siap untuk lihat syor daripada pihak konsultan (perunding)

IR IZHAM HASHIM
EXCO Infrastruktur

Ir Izham memberitahu Selangor sering menjadi rujukan pentadbiran negeri lain khususnya berkaitan hal ehwal bagi menubuhkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di negeri masing-masing.

Malah, beliau menyatakan Air Selangor juga menerima penghargaan Kerajaan Persekutuan atas kejayaan menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) setiap tahun.

"Ramai negeri rujuk kita dalam pengurusan air terutama dalam hal menubuhkan LUAS yang mengawal sumber air," katanya.

Selangor antara negeri berprestasi terbaik dalam mengurangkan kadar NRW hasil pengurusan berkesan. Kadar itu berkurangan daripada 27 peratus pada tahun sebelumnya kepada 26.76 peratus tahun lalu.

FAKTA NYAHGARAM AIR LAUT



- Penyahgaraman air laut ialah sumber alternatif untuk menjamin bekalan air jangka panjang.
- Proses menukar air laut kepada air minuman lebih mudah berbanding air sungai.
- Namun, kos rawatan air laut lebih tinggi berbanding rawatan air sungai.
- Teknologi ini lebih sesuai di Semenanjung Malaysia kerana kandungan garam air laut lebih rendah (kurang 10,000 PPM).
- Kandungan garam air laut di Sabah dan Sarawak melebihi 35,000 PPM.
- Proses penyahgaraman melibatkan tiga peringkat:
 - Membuang bahan mendapan.
 - Membuang kandungan garam.
 - Membuang bakteria untuk menghasilkan air yang selamat diminum.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/ ICT/06/2026	CADANGAN PEMBEKALAN, PEMASANGAN, PENGUJILAN DAN PENTAUHILAN PERKAKASAN KOMPUTER UNTUK PELBAGAI JABATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2026	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) 210101 - Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance DAN Tax Compliance Certificate (TCC) DAN UPEN	Tarikh Buka: 23 Julai 2026 Tarikh Tutup: 13 Ogos 2026	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <https://ipms.mpsepang.gov.my/dashboard> dengan harga **RM200.00**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Unit Teknologi Maklumat (03-83190200 samb. 510/512)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

3. Pembekal-pembekal yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang

Formula RS-1 diteruskan dalam RS-2

Kekalkan pencapaian sifar miskin tegar

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI & ALIFF HAIQAL MOHAMED**

SHAH ALAM - Kejayaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) mengurangkan kadar kemiskinan akan diteruskan dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) bagi mengekalkan pencapaian sifar miskin tegar.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu berkata pengalaman dan pencapaian RS-1 menjadi asas memperkukuh RS-2 melalui penambahbaikan dan peluasan program bantuan mengikut keperluan rakyat.

"RS-1 memberi formula berkesan dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Selangor. Justeru, kita akan menilai segala pencapaian dan menambah baik inisiatif sedia ada supaya manfaatnya dapat diperluaskan kepada lebih ramai rakyat.

"Matlamat kita bukan sekadar mengekalkan pencapaian sifar miskin tegar tetapi memastikan lebih ramai penerima bantuan berjaya meningkatkan taraf hidup," katanya kepada Media Selangor.

Pada 29 April, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan Selangor mencapai sasaran sifar miskin tegar hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif pembasmian kemiskinan.

Papparaidu juga menyifatkan kejayaan mencapai sasaran sifar miskin tegar antara pencapaian membang-

gakan sepanjang pelaksanaan RS-1.

Beliau menjelaskan ia membuktikan RS-1 bukan semata-mata kerangka pembangunan negeri, malah pemangkin kepada usaha meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pendekatan menyeluruh.

Katanya, kejayaan tersebut dicapai hasil kerjasama erat pentadbiran negeri dan pelbagai pihak termasuk agensi persekutuan, pihak berkuasa tempatan, ketua kampung dan jabatan berkaitan.

"Sasaran ini hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama semua pihak agar setiap inisiatif memberi manfaat kepada rakyat," kata beliau lagi.

Papparaidu juga menyifatkan RS-1 sebagai kerangka pembangunan menyeluruh melibatkan semua portfolio pentadbiran negeri yang merangkumi segenap lapisan masyarakat.

Katanya, Karnival Kerjaya Jobcare Selangor dan Program Bantuan Peralatan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor akan diteruskan dalam RS-2 supaya golongan berpendapatan rendah berpeluang meningkatkan taraf hidup.

"(Inisiatif) daripada golongan profesional sehingga kepada bayi yang baru dilahirkan. Sebab itu, saya melihat RS-1 sebagai satu dokumen atau kerangka kerja

PARAS PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)

MISKIN TEGAR

Peringkat nasional RM1,198

Peringkat Selangor RM1,274

(bandar RM1,274; luar bandar RM1,262)



MISKIN

Peringkat Nasional RM2,589

Peringkat Selangor RM2,830

(bandar RM2,848; luar bandar RM2,421)



yang menyeluruh untuk warga Selangor.

"Pendekatan ini meletakkan Selangor pada landasan tepat untuk meneruskan pembangunan mampan, inklusif dan seimbang sekali gus memastikan manfaat kemajuan negeri dinikmati seluruh rakyat," katanya.

Mengulas pembentangan RS-2 tidak lama lagi, Papparaidu yakin pembangunan masa depan mementingkan aspek modal insan ekoran rakyat aset berharga dan pemacu kemajuan negeri.

"RS-2 akan membantu kita merangka langkah yang lebih baik berdasarkan pengalaman sepanjang pelaksanaan RS-1 supaya kita lebih bersedia dan mampu menangani cabaran mendatang," katanya.

Basmi kemiskinan bandar, luar bandar

SHAH ALAM - Usaha menangani masalah kemiskinan tidak seharusnya menggunakan pendekatan sama kerana keperluan kelompok sedemikian di bandar dan luar bandar berbeza.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu memberitahu tindakan itu juga perlu dilakukan secara

bersasar dengan mengambil kira perbezaan cabaran yang dihadapi kedua-dua golongan tersebut.

Katanya, kemiskinan di bandar dipengaruhi kos pengangkutan dan kos sara hidup tinggi manakala penduduk luar bandar lebih memerlukan infrastruktur, peluang kerja dan pembangunan ekonomi.

"Selangor merupakan negeri yang mempunyai tahap urbanisasi tinggi menyebabkan majoriti isi rumah miskin berada di kawasan bandar. Namun, keperluan mereka berbeza dengan masyarakat luar bandar yang memerlukan pendekatan tersendiri," kata beliau kepada Media Selangor.

Menurutnya, Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), Skim Smart Sewa, Bas Smart Selangor dan Baucar Jom Shopping disediakan bagi meringankan beban kedua-dua golongan itu.

Beliau berkata Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) yang memfokus sektor pertanian, agropelancongan dan penambahbaikan infrastruktur termasuk internet disenarai dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Papparaidu menjelaskan Bantuan Peralatan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor pula bertujuan memperkasa usahawan berpendapatan rendah (B40) melalui penyediaan peralatan niaga.

"Bantuan ini mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan usahawan B40 khususnya ibu tunggal yang memerlukan peralatan bagi mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan.

"Sebagai contoh, pemberian mesin jahit industri bukan sahaja membantu menjimatkan kos menyewa mesin, malah mempercepat proses pengeluaran sekali gus meningkatkan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada masyarakat India dan Melayu di kawasan pedalaman berikutan ramai hanya menamatkan pendidikan pada peringkat sekolah rendah.

Katanya, kekangan akses ke institusi pendidikan lebih besar di kawasan bandar menjadi antara faktor yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan mobiliti sosial golongan berkenaan.

Selain itu, Papparaidu berkata pihaknya juga mengadakan siri lawatan ke setiap daerah bagi meneliti keperluan masyarakat Orang Asli dan mengenal pasti masalah yang memerlukan tindakan segera.

"Saya juga mengarahkan 62 Tok Batin di Selangor supaya memastikan setiap kanak-kanak di kampung Orang Asli mendapat akses kepada pendidikan dan tidak tercicir daripada sistem persekolahan.

"Pendidikan merupakan jalan utama untuk memutuskan rantai kemiskinan. Justeru, kita mahu memastikan setiap kanak-kanak memperoleh peluang pendidikan yang sewajarnya."



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000025061	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED SYSTEM IMPROVEMENT WORK AT BANGSAR COMPREHENSIVE OF PIPE REPLACEMENT, UPGRADING OF PUMPING SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS
2.	PN0000025263	NEW SCADA AND CYBERSECURITY IMPLEMENTATION FOR SOUTHERN REGION WTPS - PACKAGE 8
3.	PN0000025253	REPLACEMENT AND UPGRADING OF EXISTING 6.6kV INCOMER MSB NO.1 AND STARTER PANELS FOR PUMPSET NO.1 AND NO.2 AT BUKIT GADING PUMPHOUSE, PETALING REGION

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA-KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000025261	PRE-QUALIFICATION OF MAIN PIPE CONTRACTORS FOR REPLACEMENT PROGRAM (ALSO KNOWN AS HOT SPOT PANEL CONTRACTORS "HSPC")

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/partners/vendors> atau <https://tender.airselangor.com>.

Pantai Bumi Hijau tumpuan riadah

Wajah baharu Sabak Bernam gamit pelancong

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SABAK BERNAM - Transformasi Pantai Bumi Hijau di Sungai Haji Dorani di sini memberi wajah baharu kepada kawasan rekreasi itu, seterusnya merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi setempat. Pengunjung yang juga penduduk tempatan, Aini Saitul Azwin Mazdar, 36, mengakui banyak perubahan ketara berlaku di pantai berkenaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. "Banyak perubahan berbanding dahulu. Sebelum ini pantai ini biasa (tiada banyak kemudahan) kebanyakan orang datang nak mencari remis sahaja tetapi sekarang

ada banyak kemudahan. "Sekarang ada surau, tandas, kedai makan berkonsep seni bina kayu klasik serta ada juga aktiviti seperti flying fox (luncur keluang), tapak perkhemahan, karavan dan pondok istirehat juga disediakan. "Saya harap kemudahan ini dapat dikekalkan supaya sektor pelancongan di kawasan ini terus berkembang," katanya ketika ditemui Media Selangor. Aini Saitul menjelaskan Pantai Bumi Hijau kini semakin menjadi pilihan pengunjung dari dalam dan luar daerah terutama selepas penambahbaikan tersebut. "Ramai orang datang ke sini, lebih-lebih lagi selepas pantai ini diberi wajah baharu. Ia secara tidak langsung membantu mem-

promosi Sabak Bernam sebagai destinasi pelancongan," katanya. Pengunjung dari Klang, Siti Norazwana Malik, 31, yang berkelah kali kedua ke pantai tersebut mendapati pantai berkenaan sesuai sebagai lokasi riadah pada hujung minggu bersama keluarga. "Ini kali kedua saya berkunjung ke pantai ini. Suasana di sini sangat sesuai untuk aktiviti santai bersama keluarga, pengunjung juga boleh mandi-manda dan menikmati pemandangan pantai yang menarik," katanya. Pengunjung dari Teluk Intan, Perak, Mu-

hammad Amirul Hakimie Azman, 30, pula tertarik dengan keunikan konsep pembangunan kawasan itu menjadi tarikan utama kepada pengunjung. "Tempat ini cantik dan mempunyai suasana seperti perkampungan tradisional. Kedai-kedai di sini juga menggunakan konsep zaman dahulu yang memberi pengalaman berbeza kepada pengunjung. "Selain kemudahan lengkap dan ada pondok untuk berehat, saya berharap akses jalan ke kawasan ini dapat ditambah baik bagi memberi keselesaan kepada pengunjung dari luar," katanya.

Penduduk setempat kagum kemajuan SABDA

SABAK BERNAM - Penduduk setempat menyifatkan inisiatif Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) mengukuhkan sektor pertanian dan pelancongan seterusnya membuka peluang pekerjaan. Menurut Mohd Hafiz Ismail, 34, beliau menyaksikan perubahan di daerah berkenaan sepanjang lebih sedekad menetap di Sabak Bernam selepas mendirikan rumah tangga dengan penduduk di situ. Katanya, SABDA memperluas potensi daerah itu terutama sektor ekopelancongan dan pembangunan pertanian yang menjadi lebih berdaya saing sedangkan ia sebelum ini cuma kawasan pertanian. "Bila wujudnya SABDA ini kita nampak Kerajaan Negeri fokus banyak sektor, lebih-lebih lagi pertanian, yang boleh dikatakan baharu adalah kawasan pelancongan seperti Pantai Bumi Hijau. "Saya yakin Sabak Bernam akan terus membangun kerana banyak perubahan positif dapat dilihat sejak kebelakangan ini. Hasil petani dan nelayan pun dapat dijual lebih meluas apabila ramai orang luar berkunjung," katanya kepada Media Selangor. Pembangunan SABDA melibatkan sektor awam dan swasta bernilai RM1.9 bilion yang boleh menjana hasil tahunan sebanyak RM246 juta setahun selain membuka kira-kira 4,000 peluang pekerjaan. Usahawan nanas, Nurshafiqah Rosdin, 30, pula mendapati SABDA membuka lebih banyak peluang kepada golongan muda untuk menceburi bidang pertanian

sebagai kerjaya dan sumber pendapatan. Beliau berkata inisiatif itu membuktikan anak muda tidak semestinya bekerja dengan majikan kerana mereka mampu membina perniagaan dan mengembangkan sektor pertanian di daerah tersebut. "SABDA ini banyak memberi perkembangan positif termasuk membuka peluang pekerjaan buat anak muda, belia di sini saya rasa boleh sahaja bekerja di kampung tanpa perlu ke bandar. "Walaupun tinggal di Sabak Bernam, kita masih mempunyai ruang berkembang dan memajukan diri. Peluang pekerjaan terutama bidang pertanian juga sudah pasti semakin bertambah," katanya. Bagi Junah Osman, 72, pula pembangunan menerusi SABDA membawa perubahan ketara daripada aspek infrastruktur dan kemudahan asas termasuk jaringan jalan raya yang lebih baik. Beliau berkata SABDA membantu petani, pesawah dan usahawan desa mengembangkan perusahaan masing-masing tetapi berharap pembangunan tidak menghakis identiti kampung di kawasan itu. "SABDA banyak membuka mata penduduk mengenai potensi daerah ini dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat. "Sebagai pesawah saya berharap juga hasil yang kami keluarkan memberi manfaat setimpal dan dapat dipasarkan tidak hanya di Sabak Bernam sebaliknya lebih meluas," katanya lagi.

NOTIS TENDER



PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
198001014678 (08347-4)
Syarikat Milikan MBI Selangor

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih sah seperti berikut :

BIL.	TAJUK KERJA	PENDAFTARAN & STATUS	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA LANSKAP (HARD & SOFT) UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH KOMPLEKS ISLAM/MASJID SETINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 66526, 66527, 66528, 66529, 66530, 66531 DAN 66532 SELUAS 10.39 EKAR, JALAN LAKSAMANA 2, TAMAN GOMBAK PERMAI, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN (PNSB-T3/2026) Lawatan Tapak diwajibkan seperti berikut :- Tarikh : 30 Julai 2026 (Khamis) Masa : 10:30 pagi Tempat : Berkumpul di Tapak Projek, Taman Gombak Permai Waze : Jalan GP 4	CIDB & Bumiputera	Gred : G4 atau G5 Kategori : B atau CE Pengkhususan : B09 atau CE14	RM500.00

BAYARAN

Bayaran untuk Dokumen Tender adalah secara atas talian (tidak dikembalikan) seperti berikut :-

a.	Nama Bank	: Maybank
b.	No. Akaun	: 512101422646
c.	Penama	: PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
d.	Rujukan	: Tender Lanskap KIG
e.	No. Tel	: 03-56501700 / 011-5585 2770

DOKUMEN TENDER

Hanya Pemborong yang hadir lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli Dokumen Tender. Pemborong dikehendaki menunjukkan Perakuan Pendaftaran Asal Sijil CIDB berserta satu salinan photostat semasa pendaftaran kehadiran.

Sila hubungi Landarc Associates Sdn Bhd di 03-5518 8385 (En. Shafeeq/En. Nasaruddin) atau di alamat email landarcassociates@gmail.com untuk mengemukakan resit pembelian. Waktu Urusan 9:00 pagi - 5:00 petang (Isnin - Jumaat). Dokumen Tender akan diberikan kepada Petender secara dalam talian (email) untuk di cetak. Tiada penjualan Dokumen Tender di Pejabat PNSB.

Dokumen Meja Tender boleh disemak pada waktu pejabat di Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Notis Tender ini juga boleh dilawati di laman web PNSB : <http://www.pnsb.com.my>.

Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada 17hb. Ogos 2026. Dokumen tidak akan dijual selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan perlu dimasukkan ke dalam Peti Tender Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI tidak lewat daripada **20hb Ogos 2026 (KHAMIS) SEBELUM JAM 12:00 TENGAHARI.**

Dokumen Tender yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.

Penyerahan Tender Dokumen perlu disertakan sekali dengan Tender Deposit sebanyak RM1,000.00 dalam bentuk bank deraf / kiriman wang atas nama PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD yang perlu dimasukkan sekali di dalam sampul Dokumen Tender di atas. (Petender yang tidak berjaya akan dikembalikan semula Tender Deposit tersebut).



JUARA DUNIA... Pasukan Sepanyol meraikan kejayaan menewaskan Argentina 1-0 dalam perlawanan akhir Piala Dunia FIFA 2026 di Stadium New York New Jersey, Amerika Syarikat pada 19 Julai. Pemain gantian Ferran Torres muncul wira selepas meledak jaringan tunggal pada minit ke-106 permainan dalam masa tambahan. Foto Reuters

Acara berbasikal, menembak antara tumpuan


Ujian doping atlet SUKMA secara rawak

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Ujian doping akan dijalankan terhadap atlet Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026 secara rawak sepanjang temasya dwitahunan itu berlangsung.

Menurut pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor, Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) yang mengendalikan proses itu akan mengadakan ujian tersebut secara individu atau pasukan.

Mohamad Nizam Marjugi juga memberitahu tumpuan ujian berkenaan yang lazimnya menggunakan sampel air kencing terarah kepada atlet dalam acara berbasikal, menembak dan memanah.



"Kalau ADAMAS kata dia nak cari individu, dia pergi cari individu. Kalau dia hendak cari pasukan, dia akan cari pasukan tetapi kebiasaannya mereka akan ambil banyak individu," katanya kepada Media Selangor. Beliau menjelaskan hanya atlet acara angkat berat perlu menjalani ujian berkenaan menjelang temasya berkenaan berikutan ada banyak kes penyalahgunaan bahan terlarang sebelum ini.

"Jadi dia (ADAMAS) bagi angkat berat untuk buat doping dulu. Tapi untuk yang lain itu semasa kejohanan nanti akan diambil secara rawak," katanya lagi.

Dalam SUKMA 2024 di Sarawak, lebih 300 sampel diambil dan tiada pengambilan bahan terlarang dikesan sekali gus menyaksikan temasya berkenaan bebas doping.

Doping adalah penggunaan bahan atau kaedah yang dilarang bagi meningkatkan prestasi atlet. Ia merujuk penggunaan dadah atau ubat yang dilarang Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Dalam sesetengah keadaan, bahan atau kaedah yang dilarang itu boleh meningkatkan tahap keupayaan atlet melangkaui kebiasaan yang boleh menyebabkan kesan buruk termasuk maut.

SUKMA 2026 dijadual berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos manakala PARA SUKMA 2026 diadakan pada 5 hingga 14 September.

Temasya tersebut mempertanding sebanyak 469 acara daripada 37 jenis sukan manakala Para SUKMA melibatkan 316 acara merangkumi 10 jenis sukan.

Dataran Kemerdekaan Shah Alam dipilih sebagai lokasi majlis pembukaan SUKMA 2026 yang dijangka berlangsung secara sederhana tetapi meriah.